



## UCAPAN

**MAJLIS PERHIMPUNAN BULANAN RISDA BIL.1/2018 & MAJLIS  
MENANDATANGANI IKRAR BEBAS RASUAH SERTA PELANCARAN  
KEMPEN GERAKAN REVOLUSI ANTI RASUAH (GERAH)  
DAN KEMPEN 3J DI RISDA**

**OLEH:**

**Y.BHG. DATO' WAN AHMAD SHABRI ZAINUDDIN BIN WAN MOHAMAD  
KETUA PENGARAH RISDA**

**AUDITORIUM SULTAN AHMAD SHAH (ASAS)  
IBU PEJABAT RISDA  
20 FEBRUARI 2018 (SELASA)  
9.00 PAGI**

Yang Berusaha Saudari Pengerusi Majlis,

Yang Berbahagia Datuk Abdul Samat Kasah  
Pengarah Bahagian Pendidikan Masyarakat, SPRM

Yang Berbahagia Dato Zamri bin Yaakob  
Ahli Pihak Berkuasa RISDA merangkap Pengerusi NARSCO

Yang Berbahagia Dato' Nasarudin bin Malek  
Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan) RISDA

Yang Berusaha Encik Abdullah bin Zainal  
Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan & Korporat) RISDA

Yang Berbahagia Tuan Haji Sopian bin Abu Bakar  
Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan RISDA Holdings Sdn. Bhd.

Yang Berusaha Encik Wan Mohd Hafiz bin Wan Ibrahim  
Pengarah Pejabat Ketua Pengarah  
selaku Hos Perhimpunan Bulanan Bil.1/2018

Pengarah-Pengarah Bahagian/ Ketua-Ketua Pegawai Eksekutif  
Syarikat Milikan RISDA/ Pegawai-Pegawai Kanan SPRM

Seterusnya, Tuan-tuan dan Puan-puan warga RISDA yang dikasihi  
sekalian.

**Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh**

1. Alhamdulillah, pertamanya marilah kita sama-sama memanjatkan rasa syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnia-Nya dapat kita bersama-sama berhimpun di Auditorium Sultan Ahmad Shah (ASAS), Ibu Pejabat RISDA bagi menjayakan '**Majlis Perhimpunan Bulanan RISDA Bilangan 1 Tahun 2018 dan Majlis Menandatangani Ikrar Bebas Rasuah serta Pelancaran Kempen Gerakan Revolusi Anti Rasuah (GERAH) dan Kempen 3J (*Jangan Hulur, Jangan Kawtim, Jangan Settle*)** anjuran Pejabat Ketua Pengarah RISDA. Saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan jutaan terima kasih dan penghargaan kepada Yang Berbahagia Datuk Abdul Samat Kasah, Pengarah Bahagian Pendidikan Masyarakat, SPRM serta

- pegawai-pegawai kanan SPRM yang dapat hadir bagi bersama-sama menjayakan majlis kita pada hari ini.
2. Untuk makluman semua, Perhimpunan Bulanan RISDA kali ini merupakan perhimpunan kali pertama bagi tahun 2018 dan diadakan secara *4 in 1* bersekali dengan Majlis Menandatangani Ikrar Bebas Rasuah Serta Pelancaran Kempen Gerakan Revolusi Anti Rasuah (GERAH) dan Kempen 3J (*Jangan Hulur, Jangan Kawtim, Jangan Settle*) dengan kerjasama Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

3. Pada masa sekarang, semua warga RISDA **sedang giat melaksanakan tugas dan perancangan sepertimana yang telah digariskan dalam Amanat Pengurusan RISDA 2018** yang dibentangkan baru-baru ini. Bagi tahun 2018, RISDA telah mendapat peruntukan pembangunan berjumlah RM 388.6 juta yang merangkumi peruntukan daripada Bantuan Langsung Kerajaan (BLK) dan Kumpulan Wang RISDA (KWR). Selain itu, **program-program Quick Win & Touch Points yang telah dirancang dan perlu dilaksanakan dengan sebaiknya** dan semua pihak yang terlibat perlu bertindak proaktif dan memantau pelaksanaan semua program ini bagi memastikan rakyat dapat menikmati faedah daripada program tersebut.

4. Pada majlis hari ini, disamping menjadi medium untuk kita dapat bersama-sama berinteraksi dan berkongsi mengenai isu-isu semasa, ia adalah bertepatan dengan matlamat dan usaha pihak Kerajaan melalui Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) untuk mempromosi serta mewar-warkan inisiatif-inisiatif mereka dalam membanteras dan membendung gejala rasuah dan salah guna kuasa di semua peringkat termasuk dikalangan penjawat awam. Sedemikian, RISDA menyambut baik dan menyokong penuh segala usaha dijalankan dan bersedia untuk memberi sepenuh kerjasama dalam menjayakan semua inisiatif yang telah dirancang.

Yang Berbahagia Datuk dan hadirin sekalian,

5. **Ikrar Bebas Rasuah (IBR)** merupakan satu inisiatif baharu yang diperkenalkan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) hasil cetusan idea oleh Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) iaitu, Tan Sri Dzulkifli Ahmad yang mana Ikrar Bebas Rasuah ini **memberi penekanan kepada ikrar dan janji yang dibuat oleh para kepimpinan organisasi dan warganya secara sukarela atas kapasiti sebagai individu untuk memastikan**

- setiap individu yang menandatangani ikrar tersebut akan lebih bertanggungjawab dalam melaksanakan tugas yang diamanahkan.**
6. Maka dengan itu, RISDA juga bertindak proaktif dengan turut mengambil langkah yang sama untuk berikrar dan komited bersama-sama Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dalam memerangi rasuah dan salah guna kuasa bagi keseluruhan operasi dan pengurusan di jabatan.
  7. Selain daripada program Ikrar Bebas Rasuah (IBR), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) juga telah melancarkan beberapa **inisiatif lain dalam usaha untuk membanteras gejala**

**rasuah dan salah guna kuasa antaranya Gerakan Revolusi Anti Rasuah (GERAH)** yang mana program ini bertujuan bagi menjalinkan rangkaian kerjasama antara Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dengan masyarakat dalam mempromosi usaha-usaha untuk memerangi jenayah rasuah dan salah guna kuasa. Melalui program ini juga, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mempelawa semua lapisan masyarakat untuk mendaftar sebagai Ahli Sahabat GERAH yang mana mereka yang mendaftar sebagai Sahabat GERAH ini bertindak sebagai mata dan telinga dalam membantu untuk menyalurkan maklumat kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

8. Untuk makluman Yang Berbahagia Datuk dan hadirin sekalian, **sebanyak 1100 borang permohonan telah berjaya dikumpulkan** daripada semua warga RISDA yang berada di seluruh negara termasuk di **Sabah dan Sarawak** dan akan diserahkan kepada pihak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) pada majlis hari ini..
  
9. Selain itu, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) juga telah melancarkan **kempen yang dinamakan 3J iaitu ‘Jangan Huler, Jangan Kawtim dan Jangan Settle’** yang mana kempen ini bertujuan untuk menyampaikan satu mesej kesedaran terhadap

**rakyat agar mereka tidak terlibat dalam perbuatan rasuah dan salah guna kuasa melalui cara penerimaan maupun pemberian rasuah.**

Yang Berbahagia Datuk dan hadirin sekalian,

10. Sejak 2013 lagi, RISDA telah mula mengorak langkah dengan **melaksanakan pelbagai program yang melibatkan pengukuhan integriti yang mana ianya menumpukan kepada mewujudkan dan menyemai nilai-nilai integiriti di kalangan warganya**. Selain itu, ini adalah bertujuan untuk membentuk dan mewujudkan persekitaran bebas rasuah dan salah guna kuasa di RISDA.

11. Antara program terawal yang dilaksanakan adalah **Majlis Menandatangani Perjanjian Persefahaman dengan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah (SPRM)** pada tahun 2013 yang mana ini memperlihatkan komitmen pengurusan RISDA bekerjasama dengan pihak SPRM dalam membanteras rasuah dan salah guna kuasa. Susulan daripada itu, **RISDA juga telah membangunkan Pelan Integriti RISDA (PIR) 2015-2017** yang menggariskan enam (6) strategi dalam usaha untuk membentuk tadbir urus baik di dalam jabatan serta memastikan keberkesanan sistem penyampaian perkhidmatan terhadap kumpulan sasar.

12. Selain itu, **RISDA dan semua 15 Syarikat Milikan RISDA (SMR)** telah menandatangani ***Corporate Integrity Pledge (CIP)*** atau **Ikrar Integriti Korporat** yang mana tindakan ini dibuat adalah bagi menunjukkan tanda sokongan **RISDA dan semua Syarikat Milikan RISDA** di atas segala usaha kerajaan dan Suruhanjaya **Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)** untuk membanteras rasuah dan salah guna kuasa. Selain itu, dengan menandatangai ikrar ini, ia akan dapat membantu organisasi dalam mengambil langkah pertama mengesan kegiatan rasuah serta menggalakkan organisasi untuk melaksanakan program integriti dan memperkuatkan sistem kawalan dalaman mereka sendiri bagi mencegah pelakuan rasuah. Setakat hari

ini, untuk tahun 2017 sahaja, RISDA telah selesai melaksanakan 8 daripada 10 inisiatif yang digariskan dalam ikrar tersebut dan baki 2 inisiatif akan dilaksanakan pada tahun ini.

13. Bagi melaksanakan usaha-usaha untuk mengenalpasti risiko-risiko rasuah, salahguna kuasa dan penyelewengan, **RISDA** telah melaksanakan beberapa siri bengkel ***Corruption Risk Management (CRM)*** atau **Pengurusan Risiko Rasuah** yang mana bengkel ini diadakan dengan kerjasama Bahagian Pemeriksaan dan Perundingan SPRM dalam menyediakan pelan pengurusan risiko yang sistematis sehingga mewujudkan tadbir urus terbaik yang boleh

menutup ruang peluang rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan.

14. Pada tahun 2017 juga **RISDA telah mengeluarkan polisi-polisi berkaitan pemantapan dan pengukuhan integriti** antaranya ialah **Kod Etika RISDA, Polisi Pemberian Maklumat atau *Whistleblowing Policy* dan Polisi Tiada Hadiah atau *No Gift Policy***. Pengurusan RISDA berharap dengan wujudnya polisi-polisi ini, ia akan membantu dalam menutup segala ruang dan peluang bagi kesalahan rasuah dan salah guna kuasa di RISDA termasuk semua syarikat milikan RISDA (SMR) selain membentuk warga RISDA agar mempunyai tahap integriti

yang tinggi dan seterusnya mampu menjaga dan membawa nama baik RISDA di mata masyarakat.

15. Sehubungan dengan itu, saya berharap dengan pelbagai usaha dan inisiatif yang dilaksanakan ini, ia akan dapat membantu dalam memastikan bahawa RISDA akan sentiasa bersih dan bebas daripada segala bentuk jenayah rasuah dan salah guna kuasa. RISDA sebagai agensi pembangunan akan terus menyokong usaha dan aspirasi kerajaan dalam membangunkan negara dan masyarakat pekebun kecil khususnya dan saya yakin seluruh warga RISDA pasti

melaksanakannya dengan penuh tanggungjawab, akauntabiliti dan integriti.

16. Justeru itu, sama-sama kita berdoa agar kita semua sentiasa dijauhkan daripada sebarang pelakuan yang mendekatkan diri kita dengan amalan rasuah dan salah guna kuasa. Sesungguhnya perbuatan rasuah dan salah guna kuasa adalah salah di sisi undang-undang malah ianya dilarang dalam semua agama. Kesalahan bagi jenayah rasuah dan salah guna kuasa ini bukan sahaja akan memberi kesan kepada diri sendiri, tetapi akan menyebabkan imej yang buruk terhadap kerajaan dan jabatan serta mampu mewujudkan persepsi yang tidak baik oleh masyarakat terhadap jabatan itu sendiri.

17. Akhir kata, saya berharap agar semua warga RISDA perlu sentiasa melaksanakan tugas-tugas yang diamanahkan dengan penuh semangat profesionalisme dan anggaplah tugas-tugas yang diamanahkan tersebut adalah satu ibadah, maka ia perlu dilaksanakan mengikut tertib dan *tuma'ninah* yang telah ditetapkan. Semoga dengan usaha dan niat baik yang dirancang ini sentiasa diberkati dan mendapat rahmat dan keberkatan daripada Allah S.W.T, InshaAllah.
18. Sekali lagi, saya merakamkan jutaan terima kasih kepada, Yang Berbahagia Datuk Abdul Samat Kasah, Pengarah Bahagian

Pendidikan Masyarakat, SPRM, pegawai-pegawai kanan SPRM dan semua hadirin yang dapat hadir pada majlis ini. Akhir kata dengan lafaz bismillahirahmanirahim, saya merasmikan **MAJLIS PERHIMPUNAN BULANAN RISDA BIL.1/2018 & MAJLIS MENANDATANGANI IKRAR BEBAS RASUAH SERTA PELANCARAN KEMPEN GERAKAN REVOLUSI ANTI RASUAH (GERAH) DAN KEMPEN 3J DI RISDA.**

**Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah**  
**WassalamualaikumWarrahmatullahi Wabarakatuh.**